

# UMS-KAL naib juara Sukan Staf UMS 2012

OLEH JAINUDIN DJIMIN NST 4/2/12  
jainudin@newsabahtimes.com.my

LABUAN : Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) @ 1KAL muncul naib juara Kejohanan Sukan Staff UMS ke 12 yang berlangsung di Kota Kinabalu hujung bulang lalu.

Pada kejohanan itu, UMS-KAL memperolehi 5 pingat emas dalam acara dart, botatampar wanita, bola jaring, kayak dan tarik tali.

Sementara itu, kontinjen yang diketuai oleh Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim turut membawa pulang pingat perak menerusi acara hoki dan enam pingat gangsa diperolehi melalui acara bola tampar lelaki, futsal veteran, boling, futsal wanita, badminton dan karom.

Kontinjen UMS-KAL @ 1KAL mengumpul 281 mata untuk menduduki tempat kedua di belakang kontinjen Esteem yang memperolehi 361 mata, diikuti Twin Tower (261) Hercules (246), 6J (211) dan D'Arts (133).

Kontinjen Esteem memenangi 5 emas menerusi acara badminton, pool, catur, tenis dan olahraga, Twin Tower 3 emas, ping pong, karom dan hoki, Hercules 2 emas, golf dan futsal manakala 6J 1 emas melalui acara boling.

Majlis perasmian penutupan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon di Laman Graduan Dewan Canselor UMS pada 29 Januari lalu.

Turut hadir Pendaftar UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukan Staf 2012, Datuk Abdullah Mohd Said, Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Abdullah. Majlis penutupan itu diserikan lagi dengan acara karaoke dan Battle Of The Bands serta cabutan nama bertuah yang menawarkan hadiah lumayan berupa barangan elektrik.

Kejohanan Sukan Staf diadakan untuk memilih atlet bagi mewakili UMS ke Kejohanan Sukan Staf IPTA yang akan diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun ini.



EMAS UMS-KAL....Pasukan bola jaring yang berjaya meraih pingat emas di kejohanan itu.



KILAUAN EMAS...  
Pengurus pasukan dart, Md Azrie Tanjong (berdiri 2 kanan) bersama pemain dart yang memperolehi pingat emas



NAIB JUARA..... Kontinjen UMS-KAL @ 1KAL bersama Kamaruzaman (tengah), Abdullah dan Shariff selepas majlis penutupan Sukan Staf 2012.